



DUA lelaki bermotosikal meragut gelang tangan Nazalina dalam kejadian di depan rumahnya di Taman Melewar, Gombak semalam sambil diperhatikan dua lagi rakan suspek yang juga bermotosikal.



PENJENAYAH menarik mangsa keluar dari kereta setelah Nazalina enggan melepaskan beg tangan yang diragut.



KETIKA mahu melarikan diri, penjenayah mengacukan parang ke arah mangsa yang terbaring di atas jalan.

Guru nyaris maut dilibas parang

KOSMO 28/6/2011 3

Oleh JUNHAIRI ALYASA dan LILY YEAN
berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Seorang guru wanita bukan sahaja kerugian sebanyak RM8,800 malah nyaris maut ditetak dengan sebilah parang oleh sekumpulan perompak dalam kejadian di Jalan Amzil, Taman Melewar dekat sini tengah hari semalam.

Kejadian di hadapan rumah mangsa yang dirakam menerusi kamera litar tertutup (CCTV) milik jirannya dilakukan empat orang penjahat lelaki menaiki dua buah motosikal berwarna hitam.

Dalam tempoh satu minit sahaja, dua perompak dipercayai warga tempatan berusia dalam lingkungan 20-an menyerbu ke

arah mangsa sementara dua lagi bertindak mengawasi keadaan sekeliling di depan pintu pagar rumah guru itu.

Menurut mangsa yang merupakan guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Lelaki Methodist Sentul, Nazalina Nawawi (**gambar kecil**), 36, berlaku pergelutan di dalam kereta apabila penjenayah itu merentap gelang tangan bernilai RM1,200 dan menyelak tudungnya untuk mengambil rantai leher.

Bagaimanapun, dia tidak memakai rantai leher menyebabkan perompak bertindak merampas beg tangan yang mengandungi wang tunai hasil perniagaan kedai

buku milik suaminya sebanyak RM6,500 dan sebuah telefon bimbit jenama BlackBerry bernilai RM1,100.

Enggan melepaskan beg tersebut, Nazalina diheret ke luar kereta mengakibatkan berlaku pergelutan dengan penjenayah terbabit.

"Mereka beri amaran jangan menjerit tetapi saya jerit sekuat hati beberapa kali. Mereka mengugut untuk tikam saya sehinggalah saya diheret keluar dari kereta sambil berpaut pada beg tangan.

"Semasa mereka cuba melarikan diri salah seorang daripada mereka yang bersenjatakan parang cuba menetak parang itu ke

arah saya tetapi mujur tidak kena," katanya yang trauma dengan kejadian tersebut.

Kata ibu kepada lima orang anak itu lagi, suaminya baru sahaja keluar dari rumah untuk ke kedai milik mereka yang terletak di kawasan berhampiran.

Sementara itu, bapa mertua Nazalina, Abu Bakar Ahmad, 67, bergegas keluar rumah selepas mendengar jeritan menantunya.

"Saya terkejut melihat menantu saya sedang bergelut dengan dua orang lelaki ketika seorang daripada perompak bersenjata parang duduk di depan pintu pagar.

"Saya kemudian mencapai batu dan cuba membalik batu ke arah perompak itu tetapi dia ugut kalau saya rapat dia akan bunuh saya. Kemudian dia terus cabut lari se-

telah hampir menetak menantu saya," ceritanya.

Sebaik sahaja melihat kesemua perompak terbabit cuba melarikan diri, Abu Bakar bertindak pantas mengejar dan membalik batu ke arah para perompak tersebut.

Antara barangan yang turut diambil ialah kad pengenalan, lesen memandu, kad bank serta kunci kereta.

Ekoran daripada kejadian itu, Nazalina membuat laporan di Balai Polis Setapak.

Dalam pada itu, pihak Rukun Tetangga Taman Melewar turut memaklumkan kepada keluarga mangsa bahawa kejadian samun itu adalah yang keempat dilaporkan berlaku dalam tempoh sebulan.

